

# **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA)**

## **PEKELILING LPPSA BIL. 1 TAHUN 2016**

### **SKIM PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM**

#### **RUMAH IDAMANKU GUNAKAN KEMUDAHAN SEBAIKNYA**

**OLEH: ABU BAKAR B. MOHD SALLEH@AHMAD**

# KANDUNGAN TAKLIMAT

- ❖ Objektif
- ❖ Tafsiran Dan Syarat Pinjaman
- ❖ Jenis Pinjaman
- ❖ Amaun Kelayakan Pinjaman
- ❖ Permohonan Pinjaman
- ❖ Cagaran Hartanah
- ❖ Pengeluaran Pinjaman
- ❖ Faedah/Keuntungan Pinjaman yang dikenakan
- ❖ Bayaran Balik Pinjaman
- ❖ Perlindungan Insurans/Takaful
- ❖ Perlantikan Peguam Sebagai Pemegang Pertaruhan
- ❖ Kebenaran Menjual/Memindahmilik/Mencagar Hartanah
- ❖ Pelepasan Gadaian dan Penamatan Perjanjian
- ❖ Tangungjawab Peminjam

# OBJEKTIF

# OBJEKTIF

- ❖ Memberi maklumat tentang Jumlah Kelayakan Pinjaman Perumahan Sektor Awam.
- ❖ Memberi penjelasan tentang Jenis-jenis Pinjaman Perumahan Sektor Awam.
- ❖ Mencadangkan kaedah yang terbaik untuk dilaksanakan bagi mendapatkan Nilai Pinjaman Perumahan Sektor Awam yang tinggi.
- ❖ Berkongsi maklumat tentang kaedah mendapatkan Rumah Idaman.

# TAFSIRAN

# TAFSIRAN

- ❖ Al-Bai' Bithaman Ajil
- ❖ Arkitek
- ❖ Cagaran
- ❖ Ciri-ciri rumah kediaman
- ❖ Hartanah
- ❖ Harga Belian
- ❖ Harga Hartanah
- ❖ Harga Jualan
- ❖ Hartanah di Pasaran Sekunder
- ❖ Kerajaan
- ❖ Kontraktor
- ❖ Lembaga (LPPSA)
- ❖ Meninggalkan Perkhidmatan
- ❖ Muqasah
- ❖ Peguam
- ❖ Pemaju
- ❖ Peminjam
- ❖ Penjual Kedua
- ❖ Petak Rumah Kediaman
- ❖ Pihak Berkuasa Memberi Pembiayaan
- ❖ Pembiayaan
- ❖ Projek Terbengkalai/Bermasalah
- ❖ Rumah Kos Rendah
- ❖ Wang Beza

# KEMUDAHAN DAN SYARAT PEMBIAYAAN

# PEMOHON YANG LAYAK

- ❖ Anggota Perkhidmatan Awam/Polis/Tentera
  - ❖ Pegawai Tetap yang sedang berkhidmat
  - ❖ Warganegara Malaysia
  - ❖ Telah berkhidmat lebih SATU tahun dan telah disahkan jawatan
  - ❖ Bukan seorang Bankrap atau Siberhutang Hukuman atau Tidak berkemampuan
  
- ❖ Anggota Pentadbiran Persekutuan
- ❖ Anggota Pentadbiran Negeri
- ❖ Hakim Mahkamah
- ❖ Anggota Dewan Negara dan Dewan Rakyat
- ❖ Yang Dipertua Dewan Rakyat
- ❖ Ahli Dewan Undangan Negeri



# KEMUDAHAN DAN SYARAT PINJAMAN

- ❖ Layak menikmati DUA kali pinjaman
- ❖ Bakal Pesara - Tidak lewat SATU tahun sebelum bersara
- ❖ Pencarum KWSP – Tidak lewat LIMA tahun sebelum tamat perkhidmatan
- ❖ Pembelian dari Pemaju
- ❖ Pembelian Hartanah Sekunder
- ❖ Hartanah Pajakan mesti lebih 10 tahun tempoh pajakan
- ❖ SATU lot hartanah pada satu-satu masa
- ❖ Pembelian Hartanah Lelongan Perbendaharaan dibenarkan
- ❖ Tidak Boleh beli hartanah pasangan kecuali dijual atas arahan Mahkamah
- ❖ Pinjaman Kerja Tambahan tidak melebihi RM20,000
- ❖ Tidak dibenarkan TUKAR lot setelah kelulusan kecuali Pemaju yang sama
- ❖ Boleh memohon pembATALan pinjaman jika terbengkalai
- ❖ Pinjaman di BATALkan sekiranya peminjam meninggalkan perkhidmatan
- ❖ Pinjaman BERSAMA dibenarkan dengan syarat\*\*
- ❖ Dokumen Tambahan jika diminta hendaklah dikemukakan

# PEMBELIAN HARTANAH YANG BELUM MEMPUNYAI HAKMILIK INDIVIDU/STRATA DI PASARAN SEKUNDER

- ❖ Hartanah hendaklah dimajukan oleh pemaju berlesen
- ❖ Rumah atau Petak Rumah kediaman telah siap 100%
- ❖ Penyata baki hutang penjual kedua (6 bulan kehadapan)
- ❖ Perjanjian Jual Beli asal antara pemaju dgn pembeli pertama
- ❖ Akujanji pemaju, tuan tanah dan peguam untuk pindahmilik kepada nama pemohon apabila Hakmilik dikeluarkan
- ❖ Persetujuan pemohon menanggung risiko kerana membeli hartanah daripada penjual yang bukan pemilik berdaftar
- ❖ Laporan daripada JPPH yang mengesahkan kemajuan binaan dan nilai semasa
- ❖ Wang pinjaman hanya akan dikeluarkan setelah penyerahan hak selesai

# PEMBELIAN HARTANAH MEMPUNYAI HAKMILIK INDIVIDU/STRATA DI PASARAN SEKUNDER

- ❖ Hakmilik Individu/Strata telah dikeluarkan atas nama pemaju
- ❖ Hartanah hendaklah dimajukan oleh pemaju berlesen
- ❖ Rumah atau Petak Rumah kediaman telah siap 100%
- ❖ Penyata baki hutang penjual kedua (6 bulan ke hadapan)
- ❖ Salinan Borang Pindahmilik (Borang 14A) telah dilengkapkan
- ❖ Surat kebenaran pindahmilik dan kebenaran menggadai
- ❖ Akujanji peguam untuk pindahmilik kepada nama pemohon
- ❖ Persetujuan pemohon menanggung risiko kerana membeli hartanah daripada penjual yang bukan pemilik berdaftar
- ❖ Laporan daripada JPPH yang mengesahkan kemajuan binaan dan nilai semasa
- ❖ Wang pinjaman hanya akan dikeluarkan setelah penyerahan hak selesai

# PEMBELIAN HARTANAH LELONGAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA

- ❖ Hartanah mempunyai Hakmilik Individu/Strata
- ❖ Rumah atau Petak Rumah kediaman telah siap 100%
- ❖ Jika harga belian melebihi amaun kelayakan, wang beza hendaklah dibayar semasa mengemukakan permohonan
- ❖ Kontrak Jualan daripada mahkamah yang mengesahkan pemohon berjaya dalam lelongan
- ❖ Permohonan pinjaman perlu dikemukakan dalam tempoh 14 hari selepas lelongan berjaya
- ❖ Borang Gadaian perlu disempurna dan dikemukakan dalam tempoh 1 bulan dari tarikh kelulusan pinjaman tertakluk kepada Surat Setuju Terima Pinjaman telah dikembalikan oleh peminjam

# AMBIL ALIH PINJAMAN

- ❖ Pemohon adalah pemilik bersama
- ❖ Sekiranya hartanah atas Hakmilik Induk, Perjanjian Jual Beli mestilah atas nama pemohon sebagai tuan punya bersama
- ❖ Jumlah baki pinjaman adalah dlm had kelayakan pemohon
- ❖ Syarat: Dapat kebenaran ambil alih pinjaman & Dapat kebenaran pindah milik ½ atau sepenuh bahagian
- ❖ Pemohon tidak layak untuk memohon pinjaman kali kedua
- ❖ Permohonan untuk mengambil alih pinjaman perlu dikemukakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat kebenaran ambil alih pinjaman

# KERJA TAMBAHAN BAGI PEMBELIAN RUMAH KOS RENDAH

- ❖ Amaun pinjaman tidak melebihi RM20,000.00
- ❖ Amaun pinjaman keseluruhan kos rumah dan kerja tambahan tidak melebihi kelayakan maksimum pemohon
- ❖ Kos kerja tambahan perlu mendapat penilaian oleh JPPH
- ❖ Permohonan kerja tambahan perlu dikemukakan serentak dengan borang permohonan pinjaman perumahan
- ❖ Kerja tambahan bagi rumah kos rendah perlu dibuat serentak dengan pembinaan atau disiapkan dalam tempoh enam (6) bulan selepas rumah disiapkan

# PINJAMAN KEDUA BAGI PEMBELIAN HARTANAH KEDUA

- ❖ Pemohon telah menyelesaikan hutang pinjaman pertama
- ❖ Pemohon yang mengambil pinjaman hartanah kedua tidak layak memohon pinjaman Jenis VII
- ❖ Amaun pinjaman hartanah kedua adalah perbezaan antara kelayakan semasa dengan amaun yang telah diambil atas pembelian hartanah pertama tertakluk kepada ansuran bayaran balik bulanan tidak melebihi 50% daripada gaji hakiki semasa.
- ❖ Bagi pinjaman Jenis IV, amaun kelayakan adalah tidak melebihi 50% daripada baki kelayakan semasa
- ❖ Tempoh maksimum bayaran balik adalah 300 bulan atau baki tempoh perkhidmatan bagi Skim KWSP

# PERTUKARAN LOT

- ❖ Perlu mendapat kebenaran Perbendaharaan Malaysia
- ❖ Perlu mengemukakan dukomen berkaitan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat kebenaran pertukaran lot
- ❖ Pertukaran lot atas sebab-sebab berikut:-
  - ❖ Rumah lewat disiapkan kerana kurang sambutan pembeli
  - ❖ Projek Terbengkalai/bermasalah
  - ❖ Rumah tidak selamat diduduki
  - ❖ Masalah muka bumi seperti tanah mendap, runtuh dsb
- ❖ Pertukaran lot hendaklah daripada pemaju yang sama dengan kemukakan surat persetujuan/pengesahan pemaju
- ❖ Perlu kemukakan Perjanjian jual Beli baharu
- ❖ Amaun pinjaman tidak lebih dari kelulusan asal



# JENIS PEMBIAYAAN

# JENIS PEMBIAYAAN

- ❖ **Jenis 1** - Membeli rumah atau petak rumah kediaman yang telah siap
- ❖ **Jenis 2** - Membina rumah di atas tanah sendiri
- ❖ **Jenis 3** - Membeli rumah atau petak rumah kediaman dalam pembinaan
- ❖ **Jenis 4** - Membeli tanah dengan tujuan membina rumah
- ❖ **Jenis 5** - Menyelesaikan hutang pinjaman perumahan daripada bank/institusi kewangan
- ❖ **Jenis 6** - Membina rumah di atas tanah pemohon yang dibeli melalui pinjaman Kerajaan
- ❖ **Jenis 7** - Membuat Kerja Ubahsuai rumah

# JENIS 1 – MEMBELI RUMAH ATAU PETAK RUMAH KEDIAMAN YANG TELAH SIAP

- ❖ Salinan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) – Beli dari Pemaju
- ❖ Surat kebenaran pindahmilik dan menggadai dari Pihak Berkuasa
- ❖ Baki hutang penjual mestilah dalam had kelayakan peminjam
- ❖ Pembelian mestilah daripada Pemaju Berlesen
- ❖ Pembelian hartanah yang belum mempunyai Hakmilik Individu/Strata dibenarkan tertakluk kepada syarat pembelian hartanah di pasaran sekunder
- ❖ Pembelian hartanah lelongan adalah dibenarkan tertakluk kepada syarat pembelian hartanah lelongan Perbendaharaan Malaysia

## **JENIS 2 – MEMBINA RUMAH DI ATAS TANAH SENDIRI**

- ❖ Pembinaan rumah hanya boleh dimulakan setelah pinjaman diluluskan
- ❖ Rumah hendaklah dibina di atas tanah yang ada Hakmilik Individu dan bebas daripada sebarang bebanan
- ❖ Pemohon adalah pemilik hartanah tersebut
- ❖ Surat kebenaran menggadai diperlukan jika hartanah ada sekatan kepentingan
- ❖ Pelan bangunan yang diluluskan Pihak Berkuasa
- ❖ Rumah dibina hendaklah mengikut pelan semasa kelulusan pinjaman
- ❖ Laporan Penilaian daripada JPPH

# JENIS 3 – MEMBELI RUMAH ATAU PETAK RUMAH KEDIAMAN DALAM PEMBINAAN

- ❖ Pembelian daripada pemaju hanya dibenarkan bagi hartanah yang mempunyai Hakmilik Individu atau Hakmilik Induk dengan syarat kegunaan untuk “Bangunan”.
- ❖ Bayaran adalah mengikut Jadual yang telah ditetapkan
- ❖ Pembelian daripada kontraktor adalah dibenarkan bagi hartanah yang mempunyai Hakmilik Individu
- ❖ Pembelian daripada pemaju mestilah mencatatkan Lesen Pemaju serta Permit Jualan
- ❖ Pembelian petak rumah kediaman dengan lot parkir yang berasingan dibenarkan
- ❖ Kategori penggunaan Tanah Pertanian dikehendaki menukar syarat kegunaan tanah kepada Bangunan.
- ❖ Laporan Penilaian daripada JPPH

# JENIS 4 – MEMBELI TANAH DENGAN TUJUAN MEMBINA RUMAH

- ❖ Pembelian hanya dibenarkan bagi tanah yang mempunyai Hakmilik Individu.
- ❖ Surat kebenaran pindahmilik dan menggadai diperlukan jika hakmilik mempunyai sekatan kepentingan.
- ❖ Baki hutang penjual mestilah dalam had amaun kelayakan pemohon.
- ❖ Pembelian hanya dibenarkan bagi tanah yang telah siap/sedia untuk pembinaan rumah.
- ❖ Amaun kelayakan tidak melebihi 50% daripada kelayakan semasa.
- ❖ Laporan Penilaian daripada JPPH

# JENIS 5 – MENYELESAIKAN HUTANG PINJAMAN BANK/INSTITUSI KEWANGAN

- ❖ Bank/Institusi kewangan telah menjelaskan bayaran 100% kepada Pemaju/Penjual
- ❖ Hakmilik Individu/Strata mestilah atas nama pemohon dan telah dicagar kepada bank/institusi kewangan
- ❖ Sekira hartanah hanya mempunyai Hakmilik Induk, Perjanjian Jual Beli mestilah atas nama Pemohon sebagai pembeli
- ❖ Ambil alih baki hutang pinjaman suami/isteri adalah dibenarkan dengan syarat pemohon adalah pemilik bersama
- ❖ Tidak boleh bagi hartanah yang pernah dibiayai melalui pinjaman kerajaan sebelumnya
- ❖ Ambil alih hutang mestilah Tidak Melebihi  $\frac{1}{2}$  daripada amaun kelayakan pemohon atau nialaian JPPH yang mana terendah
- ❖ Laporan Penilaian daripada JPPH

## **JENIS 6 – MEMBINA RUMAH DI ATAS TANAH PEMOHON YANG DIBELI MELALUI PINJAMAN KERAJAAN**

- ❖ Hakmilik Individu didaftar atas nama pemohon dan telah dicagar kepada Kerajaan Malaysia
- ❖ Surat kebenaran menggadai diperlukan jika hakmilik mempunyai sekatan kepentingan
- ❖ Pelan bangunan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan tempoh kelulusan masih berkuatkuasa
- ❖ Jadual bayaran adalah mengikut Jadual yang ditetapkan
- ❖ Laporan Penilaian daripada JPPH



# JENIS 7 – MEMBUAT KERJA UBAHSUAI RUMAH

- ❖ Pinjaman Ubahsuai hanya dibenarkan sekiranya melibatkan penambahan keluasa bangunan
- ❖ Tiada tunggakan bayaran balik pinjaman
- ❖ Kelayakan pinjaman ubahsuai adalah seperti pinjaman kedua iaitu ansuran bayaran balik bulanan tidak melebihi 50% (termasuk bayaran balik pertama) daripada gaji hakiki semasa
- ❖ Salinan pelan bangunan diluluskan oleh PBT
- ❖ Kos kerja ubahsuai rumah perlu mendapat penilaian JPPH, Permohonan kerja ubahsuai rumah dibenarkan sekali sahaja
- ❖ Laporan Penilaian daripada JPPH

# AMAUN KELAYAKAN PEMBIAYAAN

# AMAUN KELAYAKAN PINJAMAN

Amaun Pinjaman yang diluluskan adalah tertakluk kepada mana amaun terendah berdasarkan kriteria berikut:

- ❖ Harga Hartanah
- ❖ Penilaian Hartanah oleh JPPH
- ❖ Amaun yang dipohon
- ❖ Kelayakan Maksimum pemohon

Ansuran bulanan serta potongan semasa tidak melebihi 60% daripada gaji semasa bagi Pinjaman Pertama manakala bagi Pinjaman Kedua, tidak melebihi 50%.

# AMAUN KELAYAKAN PINJAMAN

BIL	GAJI HAKIKI (RM)	KELAYAKAN (RM)
1	8500 ke atas	600,000.00
2	6500 ke 8499	562,000.00
3	5500 ke 6499	525,000.00
4	4500 ke 5499	500,000.00
5	3500 ke 4499	475,000.00
6	3000 ke 3499	400,000.00
7	2500 ke 2999	350,000.00
8	2000 ke 2499	320,000.00
9	1500 ke 1999	260,000.00
10	1200 ke 1499	210,000.00
11	1000 ke 1199	150,000.00
12	999 ke bawah	120,000.00

# PERMOHONAN PEMBIAYAAN

# KAEDAH PERMOHONAN PEMBIAYAAN

- ❖ Menggunakan Borang Permohonan Rasmi berserta dokumen sokongan yang diakui sah mengikut jenis pinjaman
- ❖ Borang permohonan berserta dokumen sokongan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia melalui Ketua Jabatan

# CAGARAN HARTANAH

# CAGARAN HARTANAH

- ❖ Hartanah hendaklah dicagarkan kepada Kerajaan Malaysia secara gadaian bagi Hakmilik Individu/Strata atau penyerahan hak bagi Hamilik Induk



# PENGELUARAN WANG PEMBIAYAAN

# PENGELUARAN WANG PEMBIAYAAN

- ❖ Pengeluaran wang pembiayaan bagi hartanah yang tidak digadai kepada bank/institusi kewangan adalah tertakluk kepada Jenis Pembiayaan (Jenis 1 hingga Jenis 7).

# FAEDAH/KEUNTUNGAN KE ATAS PEMBIAYAAN

# FAEDAH/KEUNTUNGAN PEMBIAYAAN

- ❖ Kadar faedah pembiayaan SPPSA ditetapkan sebanyak 4% setahun atas amaun pinjaman yang diluluskan. Perkiraan kadar faedah dibuat atas baki pokok pinjaman setiap bulan.
- ❖ Kadar keuntungan pinjaman SPPSAi ditetapkan sebanyak 7% setahun. Perkiraan dibuat atas baki pokok pinjaman setiap bulan. Peminjam akan terus menikmati kadar keuntungan 4% setahun melalui Prinsip Muqasah dalam setiap ansuran bayaran balik pinjaman selagi peminjam berkhidmat dalam kerajaan dan tidak melakukan kemungkiran.

# BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN

# BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN

- ❖ Bayaran balik bagi peminjam Skim Berpencen (Pinj. Pertama)
  - ❖ Tidak lebih 360 bulan atau umur 90 tahun mana terdahulu
- ❖ Bayaran balik bagi peminjam Skim KWSP (Pinj. Pertama)
  - ❖ Umur Tamat perkhidmatan atau tidak lebih 360 bulan mana terdahulu
- ❖ Bayaran balik bagi peminjam Skim Berpencen (Pinj. Kedua)
  - ❖ Tidak lebih 300 bulan atau umur 90 tahun mana terdahulu
- ❖ Bayaran balik bagi peminjam Skim KWSP (Pinj. Kedua)
  - ❖ Umur Tamat perkhidmatan atau tidak lebih 300 bulan mana terdahulu
- ❖ Bersara pilihan – ditolak pencen bulanan ATAU ditolak ganjaran
- ❖ Projek Terbengkalai – Peminjam perlu menyelesaikan Baki Hutang
- ❖ Memohon membatalkan pinjaman setelah kelulusan – Peminjam perlu menyelesaikan baki hutang yang ada.

# PERLINDUNGAN INSURAN/TAKAFUL

# PERLINDUNGAN INSURAN/TAKAFUL

- ❖ Pemohon diwajibkan mengambil Polisi Perlindungan Gadai Janji dan Polisi Perlindungan Pemilikan Rumah Kediaman daripada panel syarikat insuran/takaful yang dilantik oleh Perbendaharaan Malaysia.
- ❖ Pemohon yang mengambil SPPI diwajibkan mengambil takaful manakala pemohon yang mengambil SPPP boleh memilih sama ada takaful atau insurans.
- ❖ Penangguhan bayaran balik pinjaman perlu dilindungi Insurans/Takaful Gadai Janji dan Pemilikan Rumah Kediaman yang perlu dibayar sendiri oleh peminjam kepada panel insurans/takaful.



# PERLANTIKAN PEGUAM

## PERLANTIKAN PEGUAM

- ❖ Semua Pemohon disyaratkan untuk melantik peguam daripada firma guaman yang berdaftar dengan Majlis Peguam untuk bertindak sebagai Pemegang Pertaruhan.
- ❖ Peguam hendaklah memberi akujanji mengikut format yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia. Akujanji baharu hendaklah diberikan jika berlaku pertukaran peguam atau pertuaran nama firma guaman.

# KEBENARAN MENJUAL/MENCAGAR HARTANAH

# KEBENARAN MENCAGAR/MENJUAL HARTANAH

- ❖ Peminjam boleh menjual/memindahmilik/mencagar hartanah dengan syarat terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Perbendaharaan Malaysia tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan (Lampiran D1 – Pekeliling).

# PELEPASAN GADAIAN

## PELEPASAN GADAIAN

- ❖ Pelepasan Gadaian/Pelepasan dan penyerahan hak semula akan dibuat setelah peminjam menyelesaikan pinjaman sepenuhnya kepada Perbendaharaan Malaysia serentak dengan arahan pemberhentian kepentingan polisi insurans/takaful. Bagi kes kematian, pelepasan gadaian/pelepasan dan penyerahan hak semula akan dibuat kepada waris yang sah mengikut perintah Pembahagian Harta Pusaka/Perintah Mahkamah.

# PENAMATAN PERJANJIAN

# PENAMATAN PERJANJIAN

- ❖ Peminjam dikehendaki menyelesaikan baki hutang dengan membayar balik sekaligus dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh notis tuntutan atas sebab kemungkiran peminjam terhadap perjanjian pinjaman atau apa-apa sebab yang memungkinkan Perbendaharaan Malaysia menamatkan perjanjian.



# TANGUNGJAWAB PEMINJAM

# TANGGUNGJAWAB PEMINJAM

- ❖ Mengemukakan Surat setuju Terima Pinjaman yang lengkap dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh surat kelulusan.
- ❖ Menandatangani Borang Pindahmilik dan dokumen cagaran
- ❖ Melaporkan segera sekiranya berlaku pertukaran:-
  - ❖ Alamat tempat bertugas, nombor telefon pejabat/telefon bimbit dan alamat email
  - ❖ Pusat Pembayaran Gaji
  - ❖ Alamat tetap terkini
  - ❖ Nama dan alamat waris untuk dihubungi
- ❖ Membayar ansuran bayaran balik pinjaman.
- ❖ Membayar Cukai Tanah.
- ❖ Membayar pendaftaran gadaian.

# KAEDAH PALING MUDAH

# KAEDAH PALING MUDAH

**SILA HUBUNGI :**

**ABU BAKAR MOHD SALLEH**  
**019-7134347**

**ATAU**

**KAMARULZAMAN BIN MAT KARIM**  
**013-6304499**

# TERIMA KASIH

- **Abu Bakar bin Mohd Salleh @ Ahmad**
- **Timbalan Bendahari (W 52)**
- **Tel : 07-5530177**
- **H/P : 019-7134347**
- **e- mail : bakars@utm.my**
- **2<sup>nd</sup> email : bakars@yahoo.com**

